



Andry Chin Yung Tet Berbangsa sino dusun yang berasal dari Kampung Bambangan Lama Tamparuli. Dilahirkan pada 10 navember 1988 bertempat di hospital Papar. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Lingga Baru Tamparuli pada tahun 1995-2000. Seterusnya saya melanjutkan ke peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan Tamparuli pada 2001 2007. Pada tahun 2008 – 2009 saya telah mengambil keputusan untuk mengikuti ProgramS Seni Visual yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda Teknologi seni Visual pada tahun 2010 juga bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Selepas bergraduat pada tahun 2013 saya telah meneruskan lagi pengajian saya di peringkat sarjana Sastera (Seni Visual) pada tahun 2014 dan telah bergraduat pada tahun 2017. Pada tahun 2015 saya telah berjaya mendapat pekerjaan di Universiti College Sabah Foundation (UCSF) sebagai pensyarah seni halus, Fakulti Seni dan Media Kreatif dalam bidang seni arca sehingga kini. Perjalanan penghasilan karya yang saya bermula sejak melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah sehingga kini. Kecenderungan saya dalam penghasilan arca adalah berlandaskan latar belakang kehidupan kampung yang sangat suka akan kerja-kerja pertukangan yang diajarkan oleh datuk dan pak cik. Pengelibatan dalam kerja-kerja komuniti yang melibatkan replika haiwan di Sabah yang mengalami isu kepupusan turut disertai. Selain itu, saya juga menghasilkan catan yang diimitasi dari alam semula jadi.